

Faktor Tingkah laku Merokok Dalam Kalangan Mahasiswa Universiti
(*Factors of Smoking Behaviour among University Students*)

MAHATHIR YAHAYA, NOREMY MD AKHIR* & MOHD NAZRIE SULAIMAN

ABSTRAK

Tingkah laku merokok dianggap sebagai aktiviti negatif yang boleh memberi kesan terhadap kesihatan khususnya kepada individu, keluarga dan masyarakat. Sebahagian perokok di Malaysia adalah daripada golongan remaja. Begitu juga, mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi, mereka juga terdiri daripada golongan remaja yang mempunyai keinginan yang sama dan tidak terkecuali daripada tingkah laku merokok. Namun, apakah sebenarnya faktor yang mempengaruhi mahasiswa terlibat dalam tingkah laku merokok sedangkan mereka sering dijadikan model dan idola kepada golongan remaja. Malah mahasiswa juga sering dianggap sebagai aset dalam tunjang pembangunan negara pada masa hadapan. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka faktor yang mendorong mahasiswa terlibat dalam tingkah laku merokok. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Seramai enam orang perokok tegar yang terdiri daripada pelajar tahun akhir peringkat ijazah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah dipilih sebagai responden menggunakan persampelan snow ball (bola salji). Teknik pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual secara bersemuka menggunakan panduan soalan semi struktur. Data yang diperoleh seterusnya dianalisis menggunakan tematik analisis. Hasil kajian yang dijalankan mendapati, faktor yang mempengaruhi responden dalam tingkah laku merokok adalah pengaruh rakan, tekanan, kepuasan peribadi, sifat ingin tahu dan persepsi peribadi. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini diharap akan dapat membantu pihak universiti merangka tindakan khusus atau menambah baik intervensi sedia ada bagi memastikan mahasiswa universiti bebas daripada tingkah laku merokok.

Kata kunci: Tingkah laku merokok, faktor merokok, mahasiswa,

ABSTRACT

Smoking behaviour is considered as negative activity that can affect health to individuals, families and communities. Some smokers in Malaysia are from teenagers group. University students at the Institute of Higher Education are also group of teenagers which have the same desire and are not excluded from smoking behaviour. However, what are the factors that influence this university students to involve in smoking behaviour while they are always be as a models and idols to others teenagers. Furthermore university students are always seen as an assets for country's development in the future. Therefore, the purpose of this study is to explore the factors that influence university students to be involved in smoking behaviour. The study used qualitative method by using case study as research design. A total of six final year students from Universiti Malaysia Sabah (UMS) were selected as responden using a snow ball sampling. A face-to-face interview by using semi structure questions was used as a data collection techniques. Data obtained were analysed by using thematic analysis. The results showed that the factors that influence respondents in smoking behaviour are the influence of peers, stress, personal satisfaction, curiosity and personal perception. Therefore, this study is expected to assist the university in taking actions or improving existing interventions to ensure that university students are free from smoking behaviour.

Keyword: Smoking behaviour, smoking factors, university student

PENGENALAN

Aktiviti merokok ditakrifkan apabila seseorang yang menghisap sesuatu bahan berbentuk silinder kecil yang mengandungi karbon monoksida, nikotin, tar dan bahan-bahan yang boleh membahayakan kesihatan kepada perokok (Kandel, 2000; Roziah & Sivamurugan, 2005). Setiap tahun bilangan perokok meningkat sebanyak satu peratus iaitu 30 ribu daripada 3 juta perokok sejak tahun 2006 (Utusan, 2010). Tambahan pula, Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai kadar peratusan tertinggi dalam tingkah laku merokok iaitu peningkatan rakyat Malaysia menghisap rokok adalah sebanyak 23.7 bilion batang rokok berbanding 18 bilion batang rokok pada tahun 1998 (Metro, 2015). Tirtosastro dan Murdiyati (2010), menyatakan kandungan nikotin yang terdapat dalam rokok adalah tinggi dan ia boleh menyebabkan perokok mengalami ketagih dan mengulangi tingkah laku tersebut sehingga ia menjadi satu tabiat dan gaya hidup yang tidak sihat. Tingkah laku merokok dalam kalangan masyarakat pada hari ini sukar dibendung disebabkan oleh kurang pengetahuan dan kesedaran tentang kesan merokok sehingga ada yang memandang remeh terhadap kesan bahaya merokok terhadap kesihatan. Dalam tempoh jangka masa panjang, orang yang kerap merokok akan mengalami penyakit paru-paru namun perkara ini tidak dipandang serius oleh perokok. Selain itu, tingkah laku merokok ini juga boleh memberi kesan kepada perokok pasif iaitu orang yang tidak merokok tetapi berada di sekeliling perokok. Malah perokok pasif ini akan menerima kesan yang lebih buruk dari segi kesihatan berbanding perokok itu sendiri (Kalaichalvan, 2008). Namun, masih ramai masyarakat pada hari ini yang terus merokok tanpa mengendahkan perkara tersebut.

Hal ini amat membimbangkan kerana pihak kerajaan menyedari bahawa sebahagian perokok di Malaysia adalah daripada golongan remaja yang berumur antara 13 hingga 21 tahun (Ahmad, 2004). Begitu juga dengan laporan Kementerian Kesihatan Malaysia mencatatkan 20 peratus perokok terdiri daripada golongan remaja. Ini kerana, menurut Kobus (2003), golongan remaja paling mudah terpengaruh dengan aktiviti merokok. Di fasa ini, seseorang remaja akan mempunyai sifat keinginan yang tinggi untuk mencuba dan akhirnya menjadikan mereka sebagai seorang perokok tegar (Johnston, O'Malley & Bachman, 2001). Namun, kita hampir terlupa, mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi juga terdiri daripada golongan remaja yang mempunyai keinginan yang sama dan tidak terkecuali daripada tingkah laku merokok.

Gejala merokok dalam kalangan mahasiswa bukanlah satu perkara baru. Ia adalah sebahagian

daripada tingkah laku berisiko yang membahayakan kesihatan perokok dan tingkah laku tersebut berkait rapat dengan sistem persekitaran mereka. Masalah merokok dalam kalangan mahasiswa ini dapat difahami dengan lebih mendalam melalui Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura. Menurut Bandura (1977), pembelajaran sosial adalah tingkah laku yang dipelajari daripada persekitaran khususnya daripada individu lain. Seseorang itu akan memerhati tingkah laku individu lain dan menyimpan maklumat yang diperhatikan sebelum mempraktikkannya. Menurut Mahmood (2001), tingkah laku yang negatif seperti merokok dipelajari daripada persekitaran seperti daripada ibu bapa, rakan sebaya, komuniti setempat dan juga media massa. Jika melihat kepada kehidupan mahasiswa, sudah pasti rakan universiti adalah individu yang menjadi ikutan kepada mereka, memandangkan rakan universiti adalah individu yang paling hampir dengan mereka. Teori pembelajaran sosial adalah satu proses peniruan kepada tingkah laku seseorang berdasarkan apa yang dilihat dan diperhatikan. Dalam erti kata lain, aktiviti merokok yang dilakukan oleh mahasiswa adalah hasil daripada peniruan tingkah laku dari persekitarannya.

Walau bagaimanapun, apakah sebenarnya faktor yang mempengaruhi mahasiswa terlibat dalam tingkah laku merokok memandangkan mereka sering dijadikan model dan idola kepada golongan remaja. Malah mahasiswa juga sering dianggap sebagai aset dalam tunjang pembangunan negara masa hadapan. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka faktor yang mendorong mahasiswa terlibat dalam tingkah laku merokok.

METOD

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Penyelidikan kualitatif adalah cenderung untuk menghasilkan data yang kaya dengan informasi tetapi kompleks kerana ia perlu di tafsir menurut pemahaman dari teori (kajian literatur) yang dibuat oleh penyelidik pada awal kajian (Siti Uzairiah, 2017). Kajian kualitatif memberi penumpuan kepada pemahaman dan penerangan yang jelas serta mendalam ke atas sesuatu fenomena yang dikaji dan bukan berdasarkan ukuran atau pengiraan. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, pengkaji meneroka faktor yang mempengaruhi pelajar universiti di UMS terlibat dalam tingkah laku merokok secara mendalam dan terperinci. Manakala menurut Norizan (2016), reka bentuk kajian kes melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik

serta mendalam tentang tingkah laku individu di mana dalam kajian ini merujuk kepada mahasiswa UMS, peristiwa khusus atau keadaan sosial untuk mengetahui bagaimana tingkah laku merokok boleh berlaku dalam kalangan mahasiswa UMS.

Selain itu, bagi menjalankan kajian ini, pengkaji turut menggunakan pendekatan induktif. Pendekatan induktif dilihat bersesuaian dengan kajian ini kerana bersifat fleksibel kerana tiada keperluan untuk menggunakan teori yang ditentukan ketika proses pengumpulan data dilakukan. Ini bermakna pendekatan induktif menekankan kepada pembinaan teori di akhir kajian dan ia berbeza sama sekali dengan pendekatan deduktif yang memerlukan penyelidikan untuk melakukan pengujian teori ketika proses pengumpulan data dilakukan (Siti Uzairiah, 2016). Pemilihan responden adalah berdasarkan persampelan snow ball (bola salji) dan teknik pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual semi struktur secara bersemuka dengan mahasiswa UMS. Proses

pengumpulan data dimulakan dengan menemu bual mahasiswa UMS yang terlibat dalam tingkah laku merokok, namun setelah menemu bual responden ke 5, pengkaji telah berpuas hati dengan maklumat yang diperoleh kerana ia telah meliputi semua dimensi yang dikehendaki. Oleh itu, pengkaji seterusnya melakukan temu bual ke 6 bagi mengesahkan tiada penemuan atau tema baru terhasil daripada temu bual yang dijalankan. Bilangan sampel kajian dianggap telah mencapai tahap ketepuan data dan diyakini telah mencukupi dari segi maklumat yang diperoleh dengan jumlah sampel sebanyak 6 orang responden. Manakala instrumen kajian yang digunakan adalah panduan soalan yang mengandungi soalan berbentuk separa struktur dan pengkaji sendiri bertindak sebagai instrumen kajian. Data yang diperoleh dari temu bual yang dijalankan seterusnya dianalisis menggunakan analisis tema. Rumusan metodologi kajian yang digunakan adalah seperti rajah berikut:

RAJAH 1. Rumusan Metodologi Kajian

Kaedah kajian	Kualitatif
Reka bentuk kajian	Kajian kes
Pendekatan kajian	Induktif
Persampelan kajian	<i>Snow ball</i> (bola salji)
Bilangan responden	6 orang mahasiswa UMS
Teknik pengumpulan data	Temu bual mendalam secara bersemuka
Instrumen kajian	Panduan soalan (separa struktur)
	Pengkaji
Analisis kajian	Analisis tema

LATAR BELAKANG DEMOGRAFI

Kajian ini melibatkan 6 orang mahasiswa Sarjana Muda (Ijazah) tahun tiga dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang mengaku sebagai seorang

perokok tegar. Kesemua responden yang terlibat adalah lelaki, beragama Islam dan berbangsa Melayu serta berasal dari negeri Sabah dan ia diringkaskan seperti dalam jadual 2.0 berikut.

JADUAL 2. Ringkasan Demografi Responden

Responden (R)	Jantina	Agama/Bangsa	Umur (Tahun)	Negeri (Asal)
1	Lelaki	Islam/Melayu	23	Sabah
2	Lelaki	Islam/Melayu	23	Sabah
3	Lelaki	Islam/Melayu	23	Sabah
4	Lelaki	Islam/Melayu	23	Sabah
5	Lelaki	Islam/Melayu	22	Sabah
6	Lelaki	Islam/Melayu	21	Sabah

HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil temu bual yang dijalankan mendapati terdapat empat faktor yang mempengaruhi responden terlibat dalam aktiviti merokok iaitu pengaruh rakan, tekanan, sifat ingin tahu dan kepuasan peribadi. Setiap faktor berikut diringkaskan dan dibincangkan seperti berikut:

Pengaruh Rakan

Majoriti responden mengakui mereka terjebak dalam ketagihan merokok di universiti adalah disebabkan oleh pengaruh dan ajakan dari rakan universiti. Ini kerana tinggal berjauhan daripada keluarga menyebabkan rakan di universiti merupakan individu yang paling rapat dengan responden. Oleh itu, tanpa pengawalan daripada ibu bapa, responden mudah terpengaruh dengan tingkah laku negatif seperti merokok. Berikut merupakan petikan responden berkaitan isu ini:

'Kalau di rumah mak bapak aku control memang tak kan kasi aku kalau nak hisap rokok ni. Tapi bila jauh dengan keluarga, aku bebas untuk buat apa saja. So, aku merokok sebab pengaruh rakan sebaya sebab kawan ni tempat kita selalu sama-sama dengan dorang.'

-Responden 4

'Kalau bagi aku memang rakan sebaya punca utama aku ketagih dalam merokok ni sebab dorang ni rapat dengan kita. Ke mana jer aku memang dengan dorang. Bab rokok ni pun dorang yang start ajak aku. Mula-mula dulu tak berani jugak tapi sekarang aku dah biasa.'

-Responden 5

'Memang rakan sebaya ni punca aku mula merokok sebab rakan sebaya ni adalah orang yang rapat dengan kita selain keluarga. Tambah pulak duduk sini (UMS) jauh dengan keluarga. Jadi diaorang lah tempat aku shared masalah. Bila diaorang ajak merokok aku pun try lah.'

- Responden 6

Daripada kenyataan tersebut, terbukti pengaruh

rakan sememangnya mempengaruhi mahasiswa untuk terlibat dalam tingkah laku merokok. Hal ini kerana rakan sebaya merupakan antara orang yang paling rapat dengan individu selain keluarga. Ia disokong oleh Noor Emma dan Leong (2014), yang menyatakan bahawa sebagai individu yang meningkat dewasa, pengaruh rakan merupakan pengaruh yang sangat kuat dalam kehidupan mereka. Ini kerana banyak masa diluangkan bersama bagi menjalankan aktiviti seharian di universiti dan membuka ruang kepada mereka untuk meniru tingkah laku rakan sebaya yang menarik perhatian mereka. Malah dalam kajian Azizi, Shahrin, Yusof dan How Lee (2007), pengaruh dan desakan dari rakan sebaya memaksa individu akur dengan permintaan rakan kerana bimbang dipulaukan atau diperlekehkan. Ini kerana seseorang pelajar akan terasing jika aktiviti yang dilakukan tidak selari dengan rakan-rakan yang lain. Hal ini dilihat sebagai pengaruh desakan daripada rakan sebaya. Selain itu, dalam kebanyakan masalah tingkah laku yang melibatkan golongan remaja, ia berpunca daripada salah memilih kawan sehinggakan rakan yang bermasalah dan gemar melakukan aktiviti negatif akan mempengaruhi remaja untuk melakukan perkara di luar batasan keagamaan dan norma masyarakat yang akhirnya mendorong seseorang remaja itu turut terlibat sama (Fauziah et al., 2012).

Tekanan Belajar

Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini mengakui mula merokok apabila mengalami tekanan ketika berada di universiti. Tekanan yang dialami berpunca daripada masalah berkaitan dengan pelajaran di universiti seperti tertekan dengan tugas dan kuliah yang banyak dan kursus yang sukar serta tekanan menghadapi ujian dan peperiksaan. Berikut merupakan petikan responden berkaitan isu ini:

'bukan itu sak, aku pun tekanan juga yang buat aku merokok kerana perasaan tenang ni boleh muncul bila aku merokok. Belajar di universiti ni bukan senang, tertekan, banyak benda kena buat, assignment, exam, field work.. Stress!'

- Responden 1

Tekanan Perhubungan

Selain itu, ada juga dalam kalangan responden mengakui tertekan kerana mengalami masalah percintaan dan masalah keluarga. Bagi mengurangkan tekanan yang dialami responden mengaku merokok sebagai cara untuk mengurangkan tekanan yang dialami dan rata-rata menyatakan ia sebagai tindakan yang berkesan. Berikut merupakan petikan responden berkaitan isu ini:

'bukannya semua orang merokok sebab faktor rakan sebaya sak tapi juga sebab tekanan belajar dan tekanan lain-lain macam putus cita, masalah keluarga. Bila isap rokok kita rasa release. Bila aku ada masalah dengan sesiapa ja, aku akan cepat-cepat cari rokok sebab ia boleh release kan masalah aku tu!'

- Responden 3

'Bagi aku, rokok adalah penyelamat aku bila ada masalah. Aku mengaku bila ada masalah dengan girlfriend, aku akan banyak merokok sebab dengan cara tu jer boleh hilangkan stress yang aku alami ni. Bila merokok aku rasa masalah aku hilang dan pergi jauh macam asap rokok yang aku hembus berterbangan tu'

- Responden 6

Daripada kenyataan berikut jelas menunjukkan tekanan merupakan faktor yang mendorong responden untuk terlibat dalam tingkah laku merokok. Tekanan yang dialami oleh mahasiswa UMS rata-ratanya adalah disebabkan oleh tekanan dan bebanan belajar serta tekanan yang melibatkan masalah perhubungan dengan rakan, kekasih dan keluarga. Perkara ini disokong oleh Dian dan Avin (2000), yang menyatakan antara faktor seseorang itu merokok adalah kerana mengalami tekanan dalam kehidupan mereka. Ini kerana, individu yang merokok sentiasa merasakan dengan merokok, ia dapat mengurangkan tekanan dan rokok dapat membantu individu menjadi lebih tenang ketika berhadapan dengan masalah. Melalui kajian yang dilakukan oleh Griesar, Zajdel dan Oken (2002), ternyata ketenangan akan diperoleh dengan menghisap rokok dan ia membantu mengurangkannya dalam tempoh jangka masa pendek. Oleh itu, perokok akan mengulangi tingkah laku merokok berulang kali bagi mendapat kesan jangka panjang. Namun, kesan daripada pengambilan nikotin yang berlebihan akan menyebabkan seseorang itu mengalami ketagihan merokok dan akan bergantung kepada rokok apabila menghadapi pelbagai masalah (Daing Diana & Mohd Nizam, 2013). Ini kerana merokok juga boleh

menyebabkan seseorang individu itu ketagih sama seperti dadah. Keadaan ini mungkin mengejutkan kerana kita mempercayai bahawa tembakau tidak mengandungi dadah. Walaupun di sisi undang-undang, tembakau di dalam rokok bebas digunakan, namun Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization) telah mengenal pasti bahawa nikotin merupakan bahan utama di dalam tembakau yang boleh menyebabkan ketagihan. Dalam daun tembakau terdapat satu hingga tiga peratus nikotin. Ketagihan ini mendorong seseorang terus menghisap rokok dan sukar meninggalkannya sama seperti mana yang dialami oleh penagih dadah jenis heroin atau ganja.

Sifat ingin tahu

Hasil kajian turut mendapati, sifat ingin tahu merupakan faktor responden terlibat dengan tingkah laku merokok. Ini disebabkan oleh timbul keinginan dalam diri responden untuk cuba merokok. Menurut responden 3, beliau mengaku telah lama mempunyai keinginan untuk cuba merokok iaitu dari bangku sekolah lagi namun disebabkan tidak berani dan takut dimarahi oleh guru dan ibu bapa, beliau mengabaikan keinginan tersebut. Namun, setelah masuk ke universiti responden mengaku ini adalah peluang terbaik bagi dirinya untuk cuba merokok kerana tidak perlu bimbang di marahi oleh sesiapa apabila berada di universiti. Berikut merupakan antara kenyataan yang diberikan oleh responden berhubung isu ini.

'aku merokok sebab ada perasaan ingin tahu dari sekolah dulu, masa aku sekolah dulu tak berani takut cikgu, takut mak bapak marah so bila masuk U ni aku try lah.. kat sini takda siapa yang nak marah kita.. best juga sebenarnya try rokok ni'.

- Responden 3

'sifat ingin tahu juga buat aku betul-betul mau merokok sebab aku pelik apa yang buat orang merokok .. aku nak tau sangat.. tu sebab aku mula merokok. Bila tengok orang merokok tu bagi aku nampak macam best tu yang aku try merokok tu'.

- Responden 5

Berdasarkan kenyataan responden, ternyata sifat ingin tahu telah mendorong mereka untuk terlibat dalam tingkah laku merokok. Menurut Hazni (2009), ketika melakukan aktiviti bersama-sama kumpulan akan timbul perasaan ingin tahu dan sifat ingin mencuba terutamanya dalam kalangan golongan

remaja. Ia termasuklah tingkah laku merokok yang mempunyai kaitannya dengan pengaruh rakan namun dalam hal ini keinginan untuk mencuba melebihi daripada pengaruh dari rakan itu sendiri. Ini kerana terdapat 6,750 orang yang terdiri daripada golongan remaja dicatatkan sebagai perokok baru iaitu mula merokok kurang daripada dua tahun dan dikategorikan sebagai perokok ingin mencuba (Hafizah, 2007). Dan sifat ingin mencuba ini timbul dari hasil pemerhatian mereka terhadap aktiviti yang dijalankan oleh orang di sekeliling mereka. Ini disokong oleh teori pembelajaran sosial yang diasaskan oleh Albert Bandura (1977) yang menyatakan dalam proses interaksi manusia dan persekitarannya, peniruan dan pembelajaran berlaku hasil daripada pemerhatian yang dilakukan. Hal ini mengukuhkan lagi dapatan responden terlibat dalam tingkah laku merokok disebabkan oleh sifat ingin tahu hasil daripada pemerhatian terhadap persekitaran yang didiami.

Kepuasan Peribadi

Ada dalam kalangan responden mengatakan faktor mereka merokok adalah untuk mencapai kepuasan peribadi. Dengan merokok responden merasakan dirinya kelihatan lebih matang. Malah ada responden yang mengakui sesuatu nikmat ataupun kepuasan peribadi akan diperoleh apabila merokok. Misalnya menurut responden 2 nikmat merokok boleh dirasai selepas makan kerana ia mewujudkan rasa lega dan seterusnya menyegarkan tubuh badan. Berikut merupakan antara kenyataan yang diberikan oleh responden berhubung isu ini.

'bukan itu sak, aku merokok sebab untuk kepuasan peribadi, macam lepas makan kalau isap rokok dia akan rasa satu nikmat tau...rasa puas, lega dan fresh. Kalau tanya dengan perokok-perokok lain pun dorang akan jawab benda yang sama. Percaya lah cakap aku!'

- Responden 2

'kalau orang tanya kenapa aku isap rokok.. aku isap rokok sebab aku nak nampak cool n lebih matang.. bila isap rokok kita rasa lebih yakin dan kepuasan diri tu akan datang. Bagi aku, kalau tak merokok ni macam lelaki tak macho '

- Responden 4

Daripada kenyataan responden, ternyata faktor yang menyebabkan responden terlibat dalam tingkah

laku merokok adalah untuk mendapatkan kepuasan peribadi. Bagi responden dengan merokok, responden merasakan seolah-olah mendapat penghargaan daripada orang sekeliling. Perkara ini disokong oleh Nurhidayati dan Atik (2005) yang menyatakan tindakan menghisap rokok adalah untuk mendapatkan kepuasan. Ini kerana dengan merokok seseorang itu dapat menghilangkan rasa bosan, menghilangkan rasa sakit yang dialami, serta menampakkan kematangan diri dan ini seterusnya akan meningkatkan keyakinan mereka untuk menjalani kehidupan seharian. Dengan cara ini mereka akan dapat mencapai kepuasan peribadi. Malah masyarakat turut menjadikan kelakuan merokok sebagai satu cara hidup, iaitu menjadi ukuran status kedewasaan, keranggian, kematangan dan kesediaan memikul tanggungjawab (Sufean, 2004).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, terdapat empat faktor yang mendorong mahasiswa untuk terlibat dalam tingkah laku merokok iaitu pengaruh rakan, tekanan yang dialami disebabkan oleh masalah bebanan belajar di universiti, masalah percintaan dan masalah keluarga. Selain itu, sifat ingin tahu dan kepuasan peribadi juga dinyatakan oleh responden sebagai antara faktor yang mendorong mereka terlibat dalam tingkah laku merokok. Sungguh pun begitu, tingkah laku merokok adalah aktiviti negatif yang memberi kesan terhadap kesihatan individu, keluarga dan masyarakat. Pelbagai langkah telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam memastikan rakyat Malaysia memilih gaya hidup yang sihat dengan menghindari tingkah laku merokok ini. Dalam konteks pelaksanaan dasar misalnya, pihak kerajaan telah menggubal dasar di bawah Akta Kawalan Hasil Tembakau 1993 yang dikelola oleh Unit Penguatkuasaan Undang-undang Kesihatan Awam di setiap pejabat kesihatan di seluruh negara. Salah satunya adalah penetapan kawasan larangan merokok yang dikuatkuasakan di setiap pejabat kerajaan, sekolah rendah dan menengah, tadika dan taman asuhan kanak-kanak di bawah peraturan 10(1). Penelitian pihak kerajaan terhadap bahaya rokok ini turut meliputi semua kawasan termasuk universiti awam. Seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah menguatkuasakan larangan merokok di kawasan kampus. Penguatkuasaan ini dibuat sebagai mematuhi Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 1997 dan Akta Makanan 1983 yang berkuat kuasa sejak 20 Mac 1997. Di dalam akta ini telah diwartakan bahawa semua Institut Pengajian Tinggi termaktub sebagai Kawasan Larangan Merokok.

Malah, universiti tempatan juga terlibat dalam usaha membanteras gejala rokok ini dengan melakukan pelbagai kempen di universiti masing-masing. Sebagai contoh Universiti Sains Malaysia (USM) yang telah menjalankan Kempen Bebas Tembakau sejak Januari 2013. Projek bebas tembakau ini dilihat bukan sahaja dapat memberi kesan yang positif kepada mahasiswa tetapi juga kepada keseluruhan warga USM. Selain itu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) juga tidak ketinggalan dalam usaha membendung amalan tabiat merokok ini. Satu kempen kesedaran terhadap kesihatan telah dijalankan kepada semua warga UMS, sekali gus melancarkan klinik berhenti merokok bagi memudahkan warga UMS mendapat khidmat nasihat daripada pakar kesihatan dan psikologi. Intervensi dalam bentuk kaunseling telah dijalankan bagi mengetahui tahap ketagihan merokok seseorang sebelum diberi ubat dan pelan tindakan kepada klien bagi merancang kehidupan mereka supaya tidak kembali terjebak dalam tingkah laku merokok. Kedua-dua contoh ini adalah gambaran usaha yang dilakukan melalui seluruh universiti-universiti tempatan bagi membendung masalah tingkah laku merokok dalam kalangan mahasiswa. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini diharap akan dapat membantu pihak universiti mengenal pasti punca kepada amalan tingkah laku merokok dalam kalangan mahasiswa dan seterusnya merangka tindakan khusus atau menambah baik intervensi sedia ada bagi memastikan mahasiswa universiti bebas daripada tingkah laku merokok. Ini penting kerana pengkaji percaya tingkah laku merokok boleh memberi kesan terhadap akademik dan sahsiah mahasiswa universiti.

RUJUKAN

- Ahmad Nazri Mohamad. 2004. *Perokok Masih Bongkak*. New Straits Times (M) Berhad.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon, How Lee Chan. 2007. Faktor-faktor yang Mempengaruhi Gejala Ponteng di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Johor. Diperolehi daripada http://eprints.utm.my/3961/2/AziziYahaya_ponteng.pdf
- Bandura, A. 1977. *Social learning theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Daing Diana Maarof & Mohd Nizam Osman. 2013. Pengaruh Faktor Sosial Kesan Kempen Media Tak Nak Merokok. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 29(1) : 179-198.
- Dian, K. & Avin, F. H. 2000. Faktor-Faktor Penyebab Perilaku Merokok Pada Remaja. *Jurnal Psikologi*. 1: 37 – 47.
- Fauziah Ibrahim., Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi., Mohd Suhaimi Mohammad., Noremy Md Akhir, & Salina Nen. 2012. Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku : Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *e-Bangi*, 7(1): 84-93.
- Griesar, W.S., Zajdel, D.P. & Oken, B.S. 2002. Nicotine effects on alertness and spatial attention in non-smokers. *Nicotine & Tobacco Research*, 4(2): 185-194.
- Hafizah Sa'ari. 2007. *Persepsi Pelajar Terhadap Kegiatan Merokok Dalam Kalangan Pelajar Sekolah. Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkar Pulai, Johor*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hazni Abdul Ghani. 2009. *Persepsi Pelajar Mengenai Punca-Punca Masalah Ponteng. Satu Kajian Kes Di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 2, Johor Bahru*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Johnston L, O'Malley P & Bachman J. 2001. *Monitoring The Future National Survey Results on Drug Use, 1975-2000. College Students Adults Ages 19-40*. Maryland: National Institute in Drug Abuse.
- Kalaichalvan, S. 2008. *Intervensi Program Berhenti Merokok Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Pulai Ipoh*. Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kandel, D. B., & Chen, K. 2000. Extent of smoking and nicotine dependence in the United States: 1991–1993. *Nicotine & Tobacco Research*, 2(3): 263–274. Diperolehi daripada <http://doi.org/10.1080/14622200050147538>
- Kobus, K. 2003. Peers and Adolescent Smoking. *Journal Of Addiction*, 9: 37- 55.
- Mahmood, N.M. 2001. *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Metro. (Mei, 2015). Hisap 23.7 bilion Rokok Setahun. Diperolehi daripada <https://www.hmetro.com.my/node/53292>
- Noor Emma, A. & Leong, K. E. 2014. Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1) :3 - 4.
- Norizan, Y. 2016. Pengurusan elemen psikologikal sebagai persediaan menghadapi bencana: Satu kajian kualitatif terhadap mangsa banjir di Kelantan. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30 (2), 74-81. URL: <http://spaj.ukm.my/ppppm/jpm/issue/view/26>
- Nurhidayati Fawzani & Atik Triratnawati. 2005. Terapi Berhenti Merokok. *Makara, Kesehatan*. 9 (1): 15-22.
- Roziha Omar & Sivamurugan, Pandian. 2005. *Malaysia Isu-Isu Sosial Semasa*. Kuala Lumpur. Unit Penerbitan ISM.
- Sufean Hussin. 2004. *Merokok di Kalangan Remaja Malaysia*. Kuala Lumpur: Karisma Publications
- Siti Uzairiah, M. T. 2016. *Qualitative Research, Interview Analysis & Nvivo11 Exploration*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Siti Uzairiah, M. T. 2017. *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu bual*. Kuala Lumpur, Malaysia: Aras Publisher.
- Tirtosastro, S., & Murdiyati, A. S. 2010. Kandungan Kimia Tembakau dan Rokok. *Buletin Tanaman*

Tembakau, Serat & Minyak Industri, 2(1). <http://dx.doi.org/10.21082/bultas.v2n1.2010.33-44>
Utusan Malaysia. (Januari, 2010). Sukarnya Berhenti Merokok. Muka surat 9.

Mahathir Yahaya
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
11800 Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

Noremy Md Akhir* & Mohd Nazrie Sulaiman
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: noremy@ukm.edu.my

Diserahkan: 20 September 2018
Diterima: 22 November 2018